

# Lelaki pukul isteri hingga cedera dipenjara sebulan

**SIBU:** Tindakan seorang lelaki memukul isterinya membawa padah apabila dijatuhi hukuman penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Romario Jono memerintahkan hukuman terhadap Chia Kwong Soon, 30, dari Jalan Sentosa, berkuat kuasa dari tarikh penahanannya.

Tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap isterinya yang berusia 26 tahun di sebuah rumah di Jalan Sentosa kira-kira jam 8.30 malam pada 28 April lalu.

Kesalahan itu didakwa di bawah Seksyen 321 Kanun Keseksan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 323 dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Mengikut fakta kes, kejadian berlaku apabila mangsa menegur tertuduh kerana bertindak kasar ketika mendisiplinkan anak mereka yang berusia dua tahun.

Tidak berpuas hati dengan teguran itu, tertuduh bertindak memukul mangsa pada bahagian muka dan kaki kanan menggunakan tangan.

Akibat kejadian tersebut, mangsa mengalami bengkak di bawah mata kanan serta kesakitan pada kaki kanannya.

Pemeriksaan pegawai perubatan kemudian mengesahkan mangsa mengalami kecederaan dan lebam akibat serangan itu.

Tertuduh ditahan pada 29 April kira-kira jam 4.35 petang di rumah tersebut.

Pendakwaan dikendalikan oleh ASP Sokolinkam Changgan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.